

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

Peranti, cecair vape RM5.17j dirampas

- Dua kontena dari China diperiksa di Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang
- Kastam tahan empat individu susulan dua serbuan

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

SEBERANG PERAI – Sebanyak 86,086 unit rokok elektronik atau vape dan 996.5 liter cecair peranti bernilai RM5.17 juta termasuk cukai dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang dalam dua rampasan berasingan, April lalu.

Pengarah Kastam negeri, Rohaizad Ali berkata, dalam rampasan pertama pada 3 April lalu, pihaknya menemui 14,200 unit peranti rokok elektronik dan 210 liter cecair dan gel susulan pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari China di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang (NBCT).

"Kita turut menahan dua individu berusia 30-an terdiri daripada seorang lelaki tempatan dan



ROHAIZAD (depan, kanan) menunjukkan peranti vape yang dirampas dalam dua serbuan pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Bagan Ajam, Seberang Perai semalam.

seorang warga China yang mengaku sebagai pengeksport barangan terbabit.

"Nilai sitaan dagangan dianggarkan bernilai RM1,332,500 dengan cukai tidak dibayar RM205,400 menjadikan jumlah keseluruhan RM1,537,900," katanya di sini, semalam.

Dalam serbuan berasingan, beliau berkata, pihaknya turut menahan sebuah kontena dari China di Pelabuhan Klang yang membawa masuk 71,886 unit peranti rokok elektronik dan 786.5 liter cecair dan gel rokok elektronik yang tidak diikrarkan pada 10 April lalu.

"Barangan terbabit bercampur dengan pelbagai aksesori seperti tali pinggang dan dompet. Dua ejen pelabuhan warga tempatan berusia lingkungan 40-an turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Cukai yang tidak dibayar bagi kedua-dua barangan itu dianggarkan RM833,357 menjadikan nilai keseluruhan rampasan termasuk cukai mencecah RM3,640,701 juta," katanya.

Kedua-dua kes terbabit disiasat di bawah Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

Kosmo 6/6/25 m/s 3 Negara, Tumbat.

Jel menanti kaki vape di Thailand



NOTIS peringatan berkaitan larangan membawa vape di sempadan Malaysia-Thailand di Wang Prachan, Thailand.

DARI MUKA 1

Menurut aktivis, Abdul Halim Othman yang juga dikenali sebagai Cikgu Joe Satun, dia percaya terdapat rakyat Malaysia sama ada yang masuk dengan keluarga dan rakan-rakan secara konvoi membawa vape ke Thailand.

"Vape diharamkan di Thailand sejak 2014 lagi dan hukuman bagi kesalahan membawa dan menghisap vape di Thailand ketika ini sangat berat.

"Jika anda didapati membawa dan hisap vape di sana, bersedia berdepan risiko dipenjarakan atau denda," katanya kepada Kosmo!, semalam.

Katanya, meskipun ada yang berkemungkinan membawa vape secara sembunyi-sembunyi, adalah tidak mustahil peralatan itu dapat dikesan menggunakan alat pengimbas ketika pemeriksaan atau penguatkuasaan dilakukan.

"Saya nasihatkan jangan bawa langsung vape ke Thailand kerana padahnya sangat teruk," ujarnya.

Dalam pada itu, kata Cikgu Joe, rakyat Malaysia perlu memahami tentang undang-undang serta perkara dilarang dilakukan di Thailand.

"Selain membawa vape, kesalahan yang dipercayai paling banyak dilakukan rakyat Malaysia adalah membawa dron dan walkie talkie tanpa kebenaran," jelasnya.

Kerajaan Thailand pada Mac lalu melancarkan inisiatif baha-



INDIVIDU yang membawa vape boleh dipenjarakan. - GAMBAR HIASAN

“

Vape diharamkan di Thailand sejak 2014 lagi dan hukuman bagi kesalahan membawa dan menghisap vape di Thailand ketika ini sangat berat.”

ru untuk orang ramai melaporkan penjual dan pengguna rokok elektronik termasuk vape melalui aplikasi mudah alih Thang Rath, lapor portal berita Thaiger.

Skim itu menawarkan ganjaran lumayan dengan pemberi maklumat akan mendapat 60 peratus jumlah denda yang dikenakan terhadap pesalah.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DLM NEGERI

Kastam P. Pinang rampas peranti, cecair vape seludup RM5.17 juta

Oleh SITI NUR MAS
ERAH AMRAN
utusannews@mediamulla.com.my

BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas 86,086 unit peranti rokok elektronik dan 996.5 liter cecair vape dalam dua operasi berasingan bulan lalu dengan nilai keseluruhan sitaan dianggarkan RM5.17 juta termasuk cukai.

Pengarah JKDM negeri, Rohaizad Ali berkata, rampasan pertama dilakukan pada 3 April lalu di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari China.

Katanya, pemeriksaan menemukan sebanyak 14,200 unit peranti rokok elektronik dan 210 liter cecair dan gel vape yang tidak diikrarkan bersama pelbagai barangan dagangan lain.

“Susulan pemeriksaan, dua lelaki berusia lingkungan 30-an terdiri daripada seorang rakyat tempatan dan seorang warga China ditahan kerana mengaku sebagai pengeksport barangan tersebut.

“Nilai sitaan rampasan ini dianggarkan RM1.33 juta dengan cukai tidak dibayar sebanyak RM205,400, menjadikan nilai



ROHAIZAD Ali (kiri) menunjukkan peranti serta cecair vape yang dirampas dalam sidang akhbar di Bagan Jermal, Butterworth, Pulau Pinang. - UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

keseluruhan RM1.537 juta,” katanya dalam sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan JKDM Bagan Jermal di sini, semalam.

Sementara itu dalam serbuan berasingan, sebuah lagi kontena

dari China ditahan di Pelabuhan Klang kerana cuba membawa masuk 71,886 unit peranti rokok elektronik dan 786.5 liter cecair dan gel rokok elektronik yang tidak diikrarkan pada 10 April

lalu.

Katanya, ketika dijumpai, barangan terbabit diletakkan bercampur dengan pelbagai aksesori lain seperti tali pinggang dan dompet.

“Pemeriksaan menemukan sebanyak 14,200 unit peranti rokok elektronik dan 210 liter cecair dan gel vape yang tidak diikrarkan bersama pelbagai barangan dagangan lain.”

ROHAIZAD ALI

“Dua ejen pelabuhan warga tempatan berusia lingkungan 40-an turut ditahan bagi membantu siasatan kerana membuat ikrar yang tidak betul.

“Cukai yang tidak dibayar bagi kedua-dua barangan itu pula dianggarkan berjumlah RM833,357 menjadikan nilai keseluruhan rampasan termasuk cukai mencecah RM3,640,701 juta,” katanya.

Kedua-dua kes terbabit disiasat di bawah Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DLM NEGERI

Jumaat 6/6/25 M/s 9 Utusan Dlm Negeri 'Kebanyakan vape dijual secara haram'

KOTA BHARU: Kerajaan Negeri Kelantan kekal dengan keputusan tidak membenarkan penjualan rokok elektronik atau vape selari dengan keputusan yang dibuat sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Hilmi Abdullah berkata, kebanyakan barangan dijual secara haram berselindung di sebalik permit kedai kad tambah nilai, minyak wangi, telefon dan kafe hipster.

"Kerajaan negeri tidak pernah mengeluarkan lesen penjualan vape dan perniagaan itu dilakukan secara haram dan tindakan diambil berpandukan aduan awam dan dilakukan secara berkala.

"Antara tindakan ialah kompaun dan tarik lesen manakala rampasan kita lakukan operasi bersama SIRIM atau Jabatan Kesihatan," katanya.

Hilmi berkata, tiada keperluan

an untuk pihaknya meluluskan kebenaran penjualan vape di negeri ini, malah semua negeri sedang meneliti pengharaman penjualannya.

"Sejak kita tidak membenarkan penjualan vape, kerajaan negeri berjaya mengawalinya," katanya.

Sepanjang tahun lalu kerajaan negeri menyita sebanyak 67 premis menjual rokok elektronik atau vape hasil 40 operasi dijalankan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Tahun ini, kita lakukan 10 operasi dan menyita sebanyak 16 premis. Kerajaan negeri tidak pernah meluluskan lesen penjualan vape.

"Operasi secara berkala terus dilaksanakan memandangkan masih ada premis yang masih menjual rokok elektronik ini secara haram," katanya.

AKHBAR : METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

meto 6/6/25 Jumaat mls 19 lokal

Implan perentak jantung dwiruang tanpa wayar pertama di dunia

Kuala Lumpur: Institut Jantung Negara (IJN) melakar sejarah tersendiri apabila muncul sebagai pusat perubatan pertama di Asia Tenggara yang berjaya melaksanakan implan perentak jantung dwiruang tanpa wayar pertama di dunia iaitu Abbott AVEIR™ DR.

Pakar Perunding Kanan dan Pengarah Klinikal Intervensi Elektrofisiologi dan Peranti Boleh Diimplan Datuk Dr Azlan Hussin berkata, pencapaian itu mencerminkan komitmen IJN dalam menetapkan piawaian baharu untuk menjadi peneraju rawatan jantung di Malaysia dan serantau.

"Perentak jantung dwiruang tanpa wayar ini bakal memperbaiki penjaga-

an pesakit sedia ada dan mencipta peluang untuk merawat lebih ramai pesakit, termasuk kanak-kanak.

"Dengan pemansuhan penggunaan wayar dan poket pembedahan, sistem perentak jantung baharu ini mengurangkan risiko komplikasi seperti jangkitan, wayar tercabut, atau salur darah tersumbat," katanya pada sidang media di IJN, di sini, semalam.

Beliau berkata, komplikasi jangka panjang lazimnya antara satu hingga dua peratus, atau dalam sesetengah kes - ia lebih rendah berbanding perentak jantung konvensional.

Setakat ini, 18 pesakit sudah menerima peranti baharu ini, dengan implan

pertama dilaksanakan pada 27 Mei lalu, hasil pengalaman lebih sedekad IJN dalam teknologi perentak jantung tanpa wayar, menyaksikan hampir 900 pesakit sudah menjalani prosedur melibatkan teknologi baharu itu.

Dr Azlan berkata, sistem AVEIR™ DR menawarkan pelbagai kelebihan, termasuk tempoh prosedur lebih singkat yang lazimnya antara 20 minit hingga sejam, bergantung kepada keadaan jantung pesakit.

"Sistem itu juga direka untuk menyediakan analisis rentakan masa nyata, membolehkan pakar mengesahkan penempatan peranti yang betul semasa prosedur sebelum implantasi ke dalam ruang jantung," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IJN Prof Datuk Seri Dr Mohamed Ezani Md Taib berkata, penggunaan teknologi baharu menyebabkan kos awal bagi prosedur ini agak tinggi.

"Sama seperti teknologi baharu yang lain, kos awal memang agak tinggi. Namun, caj di IJN jauh lebih rendah berbanding kebanyakan hospital swasta," katanya.

Mengenai sama ada hospital lain di Malaysia mampu melaksanakan prosedur itu, Dr Mohamed Ezani berkata, perkara ini bukan hanya berkaitan menyediakan perkhidmatan, tetapi memerlukan kepakaran dan infrastruktur yang sesuai.

"Masyarakat perlu tahu bahawa ini bukan sekadar soal perniagaan. Ia memerlukan kepakaran klinikal, teknologi canggih dan kemudahan yang mencukupi, dan semua ini boleh didapati di IJN.

"Di IJN, inovasi sekadar mengenai teknologi baharu, tetapi tentang mencipta impak yang bermakna.

"Prosedur implantasi AVEIR™ DR ini satu lonjakan besar dalam penjagaan kesihatan jantung sekali gus mengukuhkan peranan kami sebagai peneraju serantau," katanya.



KETUA Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Dr Shaiful Azmi Yahya (tengah) bersama Dr Azlan (kiri) dan Dr Mohamed Ezani menunjukkan implan perentak jantung dwi-ruang tanpa wayar.

AKHBAR : METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL



RAJA Permaisuri Agong berkenan beramah mesra dengan penghuni Hospis Malaysia, di Kuala Lumpur.

Raja Permaisuri Agong kurnia sumbangan RM30k kepada Hospis Malaysia

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, semalam, berkenan melawat Hospis Malaysia, sebuah organisasi amal yang menyediakan penjagaan paliatif kepada pesakit kronik seperti barah dan buah pinggang.

Majlis itu adalah acara yang diatur khas bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Pada lawatan itu, Raja Zarith Sofiah meluangkan masa lebih dua jam bertemu pesakit yang dirawat di pusat berkenaan, selain mengurniakan sumbangan RM30,000 kepada Hospis Malaysia.

Turut hadir isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azi-

zah Wan Ismail, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Datuk Seri Suriani Ahmad serta Ketua Pegawai Eksekutif Hospis Malaysia Dr Ednin Hamzah.

Pada majlis itu, Raja Zarith Sofiah bertitah, Seri Paduka Baginda mengambil keputusan untuk melawat Hospis Malaysia kerana merasakan masih ramai rakyat Malaysia yang belum menyedari kepentingan penjagaan paliatif untuk ahli keluarga.

"Sebuah hospis seperti Hospis Malaysia boleh menolong memberi rawatan paliatif iaitu rawatan sokongan kepada pesakit yang mempunyai penyakit kronik," titah Seri Paduka Baginda.

AKHBAR : STAR METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : EVENT

Star Metro 6/6/25 Jumaat mls 6 Event

Free health checks for seniors

Initiative targets frailty, mobility issues across 22 locations in nine Selangor districts

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

THE Selangor Senior Citizens' Health Programme 2025 will be held at 22 locations across all nine districts in the state, with around 2,700 senior citizens expected to participate.

Selangor public health and environment committee chairman Jamaliah Jamaluddin said the free programme brought healthcare services to the community.

"This provides better healthcare access to the elderly, especially in detecting the risk of frailty and preventing serious health complications.

"The programme can also help assess various aspects of a senior citizen's health, like muscle and grip strength as well as potential mobility issues.

"At the same time, they can receive exercise and diet advice," she said when launching the programme at Beringin Hall in Selayang.

Jamaliah said three districts in Selangor – Kuala Langat, Sepang and Kuala Selangor – were among the 11 districts identified as ageing by the Statistics Department last year.

"One of the factors contributing to this situation is increased



Some 200 attended the first leg of the Selangor Senior Citizens' Health Programme 2025 at Beringin Hall in Selayang. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

average life expectancy.

"However, this increase does not necessarily mean an increase in the quality of life among senior citizens.

"It could be due to advancements in healthcare services and medical technologies.

"Therefore, it is important for us to pay thorough attention to the daily health of senior citizens so that they can continue to lead a meaningful life.

"A longer life means nothing if senior citizens are not healthy and require constant help from others," she said.

Jamaliah also urged senior citizens to undergo regular health screenings to detect diseases early.

"I have met some senior citizens who are unwilling to know about their health status, as they are afraid of what the results will be.

"However, not knowing does not mean there are no issues.

"Our health may deteriorate without us realising, and it will become irreversible after we are hit by serious illnesses like stroke," she added.

The programme is part of the "Healthy Ageing: Preventing Frailty Among Elderly" project that has been carried out by Selangor government and BeVital Humanitarian Relief Organisation since 2023.

During the event, some 200 took part in activities such as health screenings, tests on their gait and speed, grip strength as well as exercises specifically designed for senior citizens.

They were also provided with resistance bands and diaries so they could continue exercising at home and record their progress.

BeVital founder Dr Ahmad Munawwar Helmi Salim urged senior citizens to continue exercising regularly.

"You may be facing the problem of frailty today, but if you continue exercising and controlling your diet consistently, you will see changes to your health," he said.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, who was also present, participated in some of the activities and interacted with the aged folk.

When asked about future dates and venues of the programme, a spokesperson said details were still being finalised and would be announced at a later date.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

MCMC pantau jualan cecair vape ada dadah sintetik dalam talian

Agensi akan sedia laporan kepada KKM untuk tindakan penguatkuasaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) diarah meningkatkan usaha dan pemantauan terhadap penjualan cecair vape yang mengandungi dadah sintetik secara dalam talian.

Ini berikutan menurut Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, penjualan produk cecair vape atau rokok elektronik yang di kesan menggunakan bahan terlarang itu dilihat semakin berleluasa dalam talian.

"Saya arahkan MCMC untuk

teliti jualan produk seperti itu dalam talian dan kita dapati banyak daripada penjualan ini sudah berlaku dalam platform seperti Facebook.

"Ada yang juga yang jual melalui WhatsApp dan sudah pasti sebarang tindakan penguatkuasaan juga akan membabitkan pihak KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)," katanya pada sidang media pascamesyuarat Kabinet di kementeriannya, semalam.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, pihaknya menerusi MCMC akan menyediakan laporan hasil kegiatan penjualan bahan terlarang itu secara dalam talian, termasuk untuk diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tindakan penguatkuasaan.

"Ini (penjualannya) adalah di bawah bidang Kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) dan dalam konteks Kementerian Komunikasi melalui MCMC kita sedang buat pemantauan dan insya-Al-

lah MCMC akan sediakan laporan sebelum dibawa ke Jemaah Menteri untuk perbincangan lanjut," katanya lagi.

Rampas 86,086 unit vape

Sementara itu, di **Butterworth**, Pengarah Kastam Pulau Pinang, Rohaizad Ali, berkata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas 86,086 unit peranti rokok elektronik atau vape dan 996.5 liter cecair vape bernilai RM5.17 juta, termasuk cukai dalam dua serbuan pada April.

Katanya, serbuan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Butterworth Utara (NBCT) serta sebuah lagi di Pelabuhan Klang turut membawa kepada penahanan tiga lelaki, termasuk seorang warganegara China.

Beliau berkata, dalam serbuan

pertama pada 1.15 tengah hari pada 3 April lepas, Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang berlabuh di NBCT dari China.

"Hasil pemeriksaan menemui 14,200 unit peranti rokok elektronik dan 210 cecair vape

tidak diikrarkan semasa pengimportan bersama-sama barang dagangan lain dianggarkan bernilai RM1.33 juta dengan jumlah duti RM205,400.

"Seorang lelaki tempatan yang bertindak sebagai ejen dan seorang lelaki warganegara China berusia lingkungan 30-an yang mengaku sebagai pengeksport barang dagangan itu ditahan. Ini adalah kes pertama di Pulau Pinang tahun ini yang menghasilkan tangkapan berkaitan rampasan vape," katanya pada sidang media

di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal semalam.

Rohaizad berkata, siasatan mendapati kontena tersebut diisytiharkan mengandungi barangan plastik, namun vape dan cecair tidak diisytiharkan dan diletakkan bersama barangan lain dalam kontena itu.

Dalam serbuan kedua pada jam 11 pagi, 10 April lalu, sebanyak 71,886 unit peranti rokok elektronik dan 786.5 liter cecair vape bernilai RM3.64 juta, termasuk cukai dirampas hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari China yang berlabuh di Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, serbuan turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 40-an yang berperanan sebagai ejen.

"Kontena ini diisytiharkan mengandungi tali pinggang dan dompet, namun pemeriksaan mendapati terdapat vape serta cecair vape yang tidak diisytiharkan bersama barang dagangan lain," katanya.



Rohaizad Ali